

30 AUG 1999

Sulaiman-Universiti

UPM AKAN JADI PUSAT PENGELUAR PAKAR LADANG MAKANAN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Universiti Putra Malaysia (UPM) akan dijadikan pusat pengajian tinggi yang mengeluarkan pakar atau pengurus ladang-ladang makanan, kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Beliau berkata UPM, sebagai universiti utama dalam bidang pertanian, sesuai untuk mengeluarkan ramai pakar atau pengurus ladang berkenaan buat permulaan sebelum diikuti universiti lain yang berminat.

"Kementerian kini dalam rangka menyediakan satu cadangan untuk dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan dan universiti berkaitan mengenai keperluan ini," katanya kepada pemberita selepas menutup Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) '99 dan Ekspo dan Konvensyen Pertanian Asia (AGEX) '99 di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini.

Kedua-duanya merupakan acara kemuncak Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA) '99. Bagaimanapun pameran dan jualan hasil pertanian masih berlangsung sehingga malam esok.

Dr Sulaiman berkata cadangan untuk melahirkan ramai pakar bagi menyediakan negara untuk meningkat produktivi makanan itu akan disiapkan secepat mungkin bagi membolehkan pelaksanaan segera.

Beliau berkata ia adalah sebagaimana saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan HPPNK, Khamis lepas, yang mahukan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan mengeluarkan pakar atau pengurus ladang-ladang tanaman makanan selain ladang getah dan kelapa sawit.

Dr Sulaiman berkata negara kini memerlukan pakar dalam mengurus ladang tanaman makanan berbanding dahulu yang mementingkan mereka yang mahir bagi ladang tanaman untuk ekonomi.

Mengenai kursus-kursus yang dikendalikan di institut-institut pertanian dan latihan ladang seluruh negara, beliau berkata ia juga akan ditingkatkan sebagai persediaan sebelum kursus formal di peringkat universiti dapat dilaksanakan.

Beberapa institut latihan pertanian telah diminta meneruskan kursus-kursus mereka dan mungkin mereka yang mengikuti kursus berkenaan boleh meneruskannya di peringkat diploma, katanya.

Mengenai pameran HPPNK dan AGEX, Dr Sulaiman berkata ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan lebih sejuta orang mengunjunginya, dan jumlah itu melebihi sasaran.

Pada majlis itu juga Dr Sulaiman menerima seekor anak kambing yang dilahirkan di tapak pameran pada 25 Ogos lepas, sebagai maskot MAHA.

Bagi pertandingan gerai, gerai negeri Pahang dipilih sebagai johan diikuti negeri Selangor dan Terengganu. Masing-masing menerima cek, cenderamata dan sjil.

-- BERNAMA

NHD NMO